

# Perdana Menteri yakin jumlah pengundi Putrajaya mencukupi

PUTRAJAYA, Selasa — Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad yakin jumlah pengundi berdaftar di kawasan Parlimen baru Putrajaya akan melebihi 30.000 menjelang pilihan raya umum akan datang berbanding cuma 85 pengundi berdaftar sekarang.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu boleh dicapai jika tiada sebarang usaha pihak tertentu untuk menghalang atau membuat kacau (proses pendaftaran).

“Pada waktu ini (cuma 85 pengundi) tak apa lah. Lama kelamaan tambahlah orang. Takkan bagi 85 orang, satu wakil rakyat,” katanya selepas majlis penyempurnaan Tasik Putrajaya di kawasan Promenad, Presint 2 di sini, petang ini.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar,

baru-baru ini berkata, kawasan Parlimen baru Putrajaya yang dikategorikan sebagai kawasan bandar, memerlukan sekurang-kurangnya 30.000 pengundi berdaftar untuk membolehkannya ditandingi pada pilihan raya umum akan datang.

Wan Ahmad bagaimanapun dipetik sebagai berkata, pihaknya yakin jumlah itu boleh dicapai jika semua pihak memberi kerjasama terutama agensi kerajaan dan kakitangan awam yang banyak bermastautin di situ.

Dalam laporan SPR baru-baru ini, kawasan Parlimen Putrajaya (P125) mempunyai 85 pengundi berdasarkan daftar pemilih yang diserahkan pada Disember 2001.

Daripada jumlah itu, 61 pemilih adalah bagi kawasan daerah mengundi Taman Metropolitan, Taman

Puncak Puteri (18) dan enam di Taman Warisan.

Tidak ada pemilih di dua lagi daerah mengundi iaitu Taman Saujana Hijau dan Taman Putra Perdana.

Dr Mahathir berkata, masih banyak rumah yang dibina di kawasan Putrajaya kosong disebabkan bahagian dalamannya seperti perkakas belum siap dipasang.

“Sebab itu tak ramai yang masuk. Tapi saya ingat tak lama lagi masuklah. Sekarang ada lebih kurang 30.000 orang (bekerja) dan 5,000 atau 8.000 dah masuk (menetap) dan tak lama lagi ramai akan masuk walaupun pada siang hari jumlah memang banyak,” katanya.

Mengenai Tasik Putrajaya, iaitu tasik buatan manusia yang berukuran 570 hektar termasuk ketuasan permukaan sepanjang 7.2 kilometer dan lebar se-

hingga 400 meter, beliau berkata ia bakal menjadi daya tarikan utama di sini.

Katanya, ia boleh menjadi pusat riadah dan akan disediakan bot bagi membolehkan orang ramai menyusuri tasik yang tebingnya sepanjang 32 kilometer itu, mengelilingi kawasan sekitar Putrajaya.

Malah kata Perdana Menteri, keintihan kawasan sekitar akan lebih terserlah apabila bangunan yang sebahagiannya masih dalam pembinaan termasuk bangunan komersial, siap nanti.

“Saya berasa amat gembira kerana buat kali pertama saya dapat mengelilingi pulau ini. Saya seronok menikmati pemandangan, walaupun tak ada apa (setakat ini). Dulu sebuah alur kecil cuma luasnya kurang dua meter di sini, kini jadi satu tasik yang cukup be-

sar dan dalam....begitu cantik sekati.

“Ramai orang kagum dengan kecantikan tasik ini apabila orang datang melihatnya. Bila saya bawa lawat dan tunjuk daripada bumbung pejabat saya, mereka selalu bertanya apakah ini tasik asal atau buatan.

“Apabila diberitahu bahawa ini tasik buatan, mereka hairan dengan luas dan keindahannya,” katanya selepas menyusuri tasik berkenaan selama kira-kira 15 minit.

Tasik Putrajaya yang terletak sepanjang Sungai Chua dan anak-anak sungai utama yang menghala ke arah Putrajaya, dibangunkan dalam dua fasa. Fasa 1A merangkumi pembangunan Wetlands dan sementara sepanjang 380 meter di antara Presint 2 dan Presint 8.